

Tiada ruang penjawat awam jadi malas, culas

KSN mahu kualiti kerja terus ditingkat seiring pengenalan SSPA bulan depan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua penjawat awam perlu meningkatkan kualiti kerja seiring dengan pengenalan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan bermula 1 Disember ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata dalam SSPA, tidak ada lagi ruang untuk sesiapa sahaja menjadi malas, culas atau cuai.

Beliau berkata, sektor awam kini perlu berubah dengan menambahkan berbanding berada pada takuk lama.

Beliau berkata, peningkatan mutu kerja itu perlu seiring dengan pertambahan komitmen

terhadap perkhidmatan kepada rakyat.

Selain memberi tumpuan kepada kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam, beliau berkata, SSPA juga bertujuan mencetus lonjakan motivasi dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

"Era baharu perkhidmatan awam ditelusuri dan diperteguhkan dengan pengenalan SSPA yang perlu disertakan dengan peningkatan mutu kerja, komitmen dan dedikasi penjawat awam.

"Dengan sistem gaji progresif di bawah SSPA, produktiviti mesti ditingkatkan. Tiada ruang untuk penjawat awam yang malas, culas dan cuai dan tiada lagi alasan untuk berada di takuk yang lama, tanpa inovasi, perubahan dan pembaharuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian penutup Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim me-



Shamsul Azri (tengah) bersama Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Ketua Hakim Syarie, Datuk Mohd Amran Mat Zain menunjukkan buku 100 Hari Shamsul Azri Reformasi Perkhidmatan Awam ketika pelancaran buku itu pada majlis penutup Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

ngumumkan pelarasan gaji sebanyak 15 peratus kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta tujuh peratus kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT) dalam SSPA.

Pelarasan gaji akan dilaksanakan secara berfasa iaitu pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan pada 1 Januari 2026 bagi Fasa 2.

Lancar dua pekeliling

Sementara itu, dua pekeliling iaitu Pekeliling Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) dan Pekeliling Ujikaji Peraturan dilancarkan konvensyen yang menutup tirainya semalam.

Ia sebagai bukti dan komitmen perkhidmatan untuk perubahan sekali gus menerusi agenda reformasi itu, Malaysia berupaya membawa kembali negara sebagai jolokan 'Harimau Asia'.

Katanya, RKB adalah panduan kepada semua agensi awam untuk mempercepatkan pelaksanaan reformasi kerenah birokrasi bagi memastikan pentadbiran yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan mengurangkan beban peraturan yang tidak wajar terhadap rakyat serta perniagaan.

"Pekeliling Ujikaji Peraturan pula memberikan panduan kepada pengawal selia untuk menguji pendekatan baharu terhadap peraturan sedia ada, agar lebih inovatif, berkualiti tinggi, dan relevan dengan keperluan semasa dalam menangani cabaran semasa yang kompleks," katanya.

Tahun ini, Shamsul Azri berkata, sebanyak 200 projek RKB sudah dan sedang dilaksanakan.

Untuk memastikan impak yang lebih besar dan menyeluruh, beliau menyasarkan seba-

nyak 500 projek RKB untuk dilaksanakan tahun depan.

Berhubung dapatan konvensyen dua hari itu, Shamsul Azri meminta Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) selaku penganjur untuk mengeluarkan dokumen hasil.

"Konvensyen kita pada dua hari ini dan deklarasi yang ditan-datangani oleh saya dan semua Setiausaha Kerajaan (SUK) semalam (kelmarin) hanyalah sebuah permulaan awal untuk kita melangkah ke hadapan dalam pelaksanaan agenda reformasi perkhidmatan awam.

"Kita akan terus mewacanakan reformasi menerusi konvensyen seterusnya yang lebih khusus dan berfokus kepada setiap lima teras reformasi ini iaitu nilai dan tatakelola, modal insan, pembangunan organisasi, penyampaian perkhidmatan serta sinergi awam swasta," katanya.